

Pameran Pengajian Siswazah UPM dapat sambutan



SERDANG: Bersesuaian dengan kiasan ‘tuntutlah ilmu daripada dalam buaian hingga ke lubang kubur’, Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan Pameran Pengajian Siswazah UPM 2009 selama dua hari bermula semalam.

Bertempat di Dewan Auditorium Fakulti Kejuruteraannya di kampus induk di sini, pameran terbabit mendapat sambutan bukan saja daripada pelajar dan bekas pelajar UPM, malah golongan profesional yang berminat meneruskan pe-

ngajian dalam peringkat tinggi seperti Sarjana dan Doktor Fal-safah (PhD).

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Profesor Datin Paduka Dr Aini Ideris, berkata universiti itu mempunyai 16 fakulti menawarkan program peringkat tinggi untuk individu mencari institusi pengajian tinggi terbaik bagi menyambung pelajaran.

Program tahunan dimulakan sejak empat tahun lalu itu katanya, menunjukkan peningkatan bilangan pelawat dan jumlah calon yang memohon.

“Tahun lalu lebih 3,000 pelawat mengunjungi gerai pameran dan daripada jumlah itu sebanyak 1,000 permohonan dicatatkan,” katanya.